

**Ucapan Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman
Ampon, Naib Canselor, UMS**

**Majlis Menandatangani MoU: UMS-NOD, MOSTI
Majlis Menandatangani MoA: UMS-Olumis Borneo Batik House**

28 Mei 2010

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Yang Berusaha Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Binti Mohd. Yusoff,
Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Malaysia (MOSTI);

Yang Berusaha Prof. Dr. Noraieni Hj. Mokhtar,
Pengarah, Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD),
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

Puan Justina Dusing dan En. Balasom@Phillip John Basalant,
Pengasas Olumis Borneo Batik House;

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Dif-dif kehormat, ketua-ketua jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya
dapat kita bersama – sama berkumpul bagi menjayakan Majlis Menandatangani

jalanan kerjasama MoU antara Universiti Malaysia Sabah dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta jalinan kerjasama MoA antara UMS dengan Olumis Borneo Batik House.

Bagi pihak UMS, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir terutamanya kepada Y.Berbahagia Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dengan kita sekaligus menyaksikan majlis yang bersejarah pada petang ini. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Y.Bhg Datin Paduka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sememangnya telah lama terjalin khususnya dalam pelbagai program kajian dan penyelidikan. Ia termasuklah beberapa penyelidikan mengenai usaha untuk melindungi dan mengurus sumber warisan laut yang kaya di negeri Sabah. Justeru, MoU yang ditandatangani hari ini merupakan usaha untuk menjalin kerjasama secara formal selain memperkukuhkan lagi kerjasama yang sedia ada.

Sebagai makluman hadirin sekalian, dibawah MoU ini pelbagai projek dan program telah dikenalpasti. Ianya merangkumi: Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan sumber laut; penjanaan pengetahuan baru dalam pelbagai disiplin oseonografi; pembinaan keupayaan melalui program latihan dan bengkel; mengadakan ekspedisi oseonografi; pembangunan Pusat Data Oseonografi Kebangsaan; dan Inisiatif Coral Triangle (CTI).

CTI yang dimaksudkan ini adalah merupakan program besar yang tertumpu kepada penyelidikan dan pembangunan terumbu karang, perikanan dan

keselamatan makanan yang merangkumi ekosistem marin Sabah dalam kawasan perairan Coral Triangle.

Pengurusan sumber laut yang mapan berasaskan kepada pengetahuan adalah sangat penting untuk negeri Sabah, terutama dalam usaha menangani kesan perubahan iklim, dimana sebahagian besar rakyat di negeri ini tinggal di kawasan zon pantai dan menggunakan sumber laut hampir setiap hari.

Berdasarkan kepada rekod kerjasama yang baik antara saintis marin UMS dan NOD, saya percaya bahawa objektif MoU ini akan tercapai pada jangkamasa yang telah ditetapkan, dan hasilnya nanti akan memberi manfaat kepada masyarakat umum. UMS, khususnya melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo akan memberi kerjasama yang terbaik kepada NOD untuk mencapai objektif kerjasama ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada petang ini juga, Universiti Malaysia Sabah akan menandatangani jalinan kerjasama MoA dengan Olumis Borneo Batik House, sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan batik etnik Sabah. Olumis Borneo Batik House yang telah ditubuhkan dua tahun yang lalu merupakan satu-satunya syarikat yang membekalkan batik etnik kepada pelancong dan pengguna tempatan.

Walaupun minat terhadap produk batik masih pada tahap yang rendah di kalangan peniaga dan pengguna di Sabah, pemilik Olumis Borneo Batik House yakin bahawa potensi pertumbuhan industri batik ini, khususnya berkaitan dengan batik etnik, adalah tinggi. Maka UMS dan Olumis Borneo Batik House telah bersetuju untuk menggabungkan sumber dan kepakaran untuk mempromosikan industri batik Malaysia, khususnya batik etnik Sabah kepada pasaran tempatan dan dunia.

Di bawah MoA ini pelbagai aktiviti telah dirancang. Olumis Borneo Batik House akan berkerjasama dengan penyelidik UMS untuk membolehkan motif-motif batik etnik Sabah yang unik digunakan secara inovatif dan kreatif untuk menghasilkan produk yang menarik untuk tujuan pengkomersialan. Selain dari segi rekabentuk dan inovasi, penyelidik dari UMS akan menyediakan kepakaran dalam bidang perakaunan, pemasaran dan pelancongan kepada Olumis Borneo Batik House.

Melalui MoA ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk menghasilkan buku yang bertajuk "**coffee table**" yang akan direkabentuk untuk memperkenalkan motif-motif etnik Sabah termasuk pengertian warisan budaya mereka. Saya yakin bahawa buku ini, melalui aset etnik Sabah yang unik akan dapat menyumbang kepada pembinaan budaya 1Malaysia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Puan Justina Dusing dan Encik Phillip John selaku pengasas Olumis Borneo Batik House atas dedikasi dan komitmen mereka untuk mempromosi batik etnik Sabah. Kediaan mereka untuk berkerjasama dengan institusi akademik, seperti UMS menggambarkan usaha murni mereka untuk mengongsikan pengetahuan unik ini demi manfaat masyarakat umum.

Hadirin da hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.Berbahagia Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dengan kita pada petang ini. Jutaan terima kasih juga kepada pihak Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI dan Olumis Borneo Batik House kerana bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan pihak UMS. Sesungguhnya kerjasama penyelidikan dengan badan kerajaan dan swasta merupakan salah satu usaha UMS untuk meningkatkan kualiti dan kerelevanan penyelidikannya.

Dengan ini, Saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahitaufik walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Sekian terima kasih.